

23 SEP 2001

CHOGM

CHOGM DI BRISBANE DITERUSKAN

Oleh: Neville D'Cruz

MELBOURNE, 23 Sept (Bernama) -- Mesyuarat Ketua-ketua Negara Komanwel (CHOGM) di Brisbane bulan depan tetap diteruskan walaupun penganjur berkata negara utama kemungkinan menarik diri pada saat akhir.

Seorang pegawai petugas khas sidang kemuncak itu berkata negara-negara anggota tidak diberikan tarikh akhir untuk mengesahkan kehadiran mereka di CHOGM yang akan bermula pada 6 Okt.

Bagaimanapun belum ada pemimpin yang menarik diri sejak serangan pengganas terhadap Amerika Syarikat. Sehingga hari ini, pegawai kerajaan Kanada meminta slot masa untuk mengadakan sidang media semasa mesyuarat tiga hari itu berlangsung.

"Tiada tarikh tutup diberikan dan secara teknikalnya mereka boleh menarik diri pada saat-saat akhir," kata jurucakap CHOGM Andrew Reynolds kepada Associated Press Australia.

"Saya rasa ia akan diteruskan," katanya.

Forum negara-negara Komanwel dari 6 hingga 9 Okt itu merupakan pertemuan penting yang pertama antara pemimpin dunia sejak serangan berani mati pengganas terhadap New York dan Washington pada 11 Sept yang menyebabkan lebih daripada 6,300 orang mati atau hilang.

Seramai 50 ketua negara dijadual menghadiri sidang kemuncak itu yang mewakili 1.7 bilion penduduk atau hampir 30 peratus penduduk dunia.

Bagaimanapun Menteri Luar Australia Alexander Downer hari ini berkata mesyuarat itu boleh ditangguhkan jika sebilangan besar pemimpin utama tidak menghadirinya berikutan krisis pengganas.

"Saya yakin ada tahap tertentu yang boleh menyebabkan CHOGM ditangguh, jika sebahagian besar perdana menteri memutuskan mereka tidak dapat hadir berikutan peperangan terhadap pengganas," kata Downer kepada Channel Nine Television.

Malaysia dan Kenya tidak akan diwakili ketua negara dan menghantar timbalan masing-masing pada forum itu.

Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Mahathir Mohamad dan Presiden Kenya Daniel Arap Moi membuat keputusan itu sebelum serangan terhadap Amerika Syarikat.

Kerajaan Bangladesh yang masih dalam pemerintahan sementara selepas pilihan raya baru-baru ini, juga mungkin tidak menghantar ketua negaranya.

Fiji turut dijangka tidak mendapat kelulusan Sekretariat Komanwel untuk menghadiri mesyuarat itu berikutan tindakan mahkamah terhadap kabinet negara itu selepas pilihan raya baru-baru ini.

Queen Elizabeth dijadual hadir selaku ketua Komanwel dan para konsulat British mahu jadual penerbangannya dikekalkan.

Downer berkata belum ada tanda-tanda Perdana Menteri Britain Tony Blair akan menarik diri daripada mesyuarat itu berdasarkan pembabitan rapatnya dengan Amerika Syarikat mengenai keganasan.

"Kami belum mendapat petunjuk bahawa beliau tidak akan datang ke sini," kata Downer.

"Perdana menteri dan ketua negara lain juga akan datang. Setakat ini belum ada pembatalan di buat oleh ketua-ketua kerajaan selepas serangan terhadap Amerika Syarikat.

Downer berkata CHOGM merupakan peluang baik untuk menghimpunkan sebilangan besar negara untuk memberi tumpuan kepada isu itu.

"Saya tidak fikir ada keraguan bahawa isu keganasan akan menjadi agenda penting pada mesyuarat CHOGM serta mesyuarat pemimpin Apec (Kerjasama

Ekonomi Asia Pasifik) di Shanghai akhir bulan ini," katanya.

-- BERNAMA

NDC DC LAT RON